

▼29/10/20-41MST

U GB 29-10 00177 BA068

aab

Mahathir - Ghafar

PERLETAKAN JAWATAN GHAFAR SEBAGAI TPM BERKUATKUASA SERTA MERTA

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perletakan jawatan Encik Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar berkuatkuasa secara automatik pada 15 Okt lepas.

(Tarikh 15 Okt merupakan tarikh surat perletakan kedua-dua jawatan itu oleh Ghafar yang dihantar Setiausaha Sulitnya, Encik Aziz Khalipah, kepada Dr Mahathir).

Perdana Menteri berkata, penguatkuasaan secara automatik itu selaras dengan pandangan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, bahawa perletakan jawatan seseorang Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri lain tidak memerlukan pengakuan menerima atau menolak daripada Perdana Menteri.

"Oleh itu saya tidak boleh kata saya tidak terima (perletakan jawatan oleh Ghafar)," katanya ketika ditanya pemberita di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau sudah menemui Ghafar berhubung perletakan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu kerana semasa di Cyprus, beliau (Dr Mahathir) menyatakan akan bertemu Ghafar apabila kembali ke tanahair. -- Lagi.

▼29/10/19-37MST

U GB 29-10 00160 BA070

aab

Mahathir - Ghafar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, beliau belum menemui Ghafar berhubung perletakan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Bagaimanapun, katanya, pandangan Peguam Negara itu bermakna perletakan kedua-dua jawatan berkenaan oleh Ghafar sudahpun rasmi secara automatik.

Ghafar tidak menghadiri pembentangan Belanjawan 1994 oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat hari ini.

Menteri-menteri lain yang juga tidak hadir ialah Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Hal Ehwal Sabah Tun Datu Mustapha Datu Harun, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud.

Dr Mahathir juga mengesahkan menerima surat perletakan jawatan Tun Mustapha sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah hari ini.

Perdana Menteri, yang juga Presiden Umno berkata, beliau belum lagi memikirkan perkara itu kerana baru menerima surat perletakan jawatan berkenaan. -- Bernama.

AH NMO

▼29/10/20-08MST